

15 OCT 2003

Hadi-OIC

HADI HARGAI UNDANGAN DR MAHATHIR KE SIDANG OIC

KUALA TERENGGANU, 15 Okt (Bernama) -- Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, mengucapkan terima kasih kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana menjemputnya menghadiri majlis perasmian sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya esok.

Menteri Besar Terengganu itu berkata beliau akan menghadiri majlis itu kerana ianya sesuatu yang sangat bermakna.

"Saya ucap terima kasih kepada Dr Mahathir yang bukan sahaja menghubungi secara surat tetapi menyatakannya juga secara lisan," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Hadi juga berkata beliau gembira dengan persiapan kerajaan dalam menjayakan sidang OIC yang telah menaikkan imej negara.

Mengenai persaraan Dr Mahathir penghujung bulan ini, beliau berkata Perdana Menteri telah membuat banyak jasa terhadap negara termasuk berjaya memperkenalkan Malaysia di peringkat antarabangsa.

Apabila diminta membuat perbandingan antara Dr Mahathir dan pemimpin dunia Islam lain, Abdul Hadi dengan nada bergurau berkata beliau tidak mahu memberikan sebarang markah mengenai kepimpinan Perdana Menteri.

"Saya tidak mahu meletakkan markah tetapi beliau memang berjaya menaikkan nama Malaysia," katanya.

Ditanya mengenai usaha pelbagai pihak memberikan penghormatan kepada Dr Mahathir, katanya beliau bimbang Perdana Menteri tidak lagi diingati selepas bersara nanti.

Menurut beliau, ini kerana semua orang akan memuji seseorang pemimpin ketika pemimpin itu berkuasa tetapi perkara sebaliknya akan berlaku selepas mereka tidak mempunyai kedudukan.

"Dr Mahathir pernah dibuang daripada Umno dan ketika itu tidak ada orang Umno yang berani mendekati rumah beliau disebabkan beliau diintip polis tetapi yang pergi ialah orang PAS. Saya takut perkara sama akan berulang bila Dr Mahathir bersara, tidak ada lagi yang mahu mendekati beliau," katanya.

--BERNAMA

AYB HIS MAI